



LEMBARAN INTERAKTIF PEMBELAJARAN ATAS TALIAN
(SOALAN ESEI SEM 2 : KOMPILASI PERCUBAAN NEGERI TAHUN 2019)
PANITIA PENGAJIAN AM
SMK ABDUL RAHMAN TALIB, KUANTAN

NAMA :

TARIKH : 27 JULAI 2020
PERKARA : PERBINCANGAN ESEI 1
(KOLEJ TINGKATAN ENAM TUN FATIMAH MELAKA)

Soalan 7

Penghayatan dan pengamalan Rukun Negara dalam kalangan masyarakat dapat mengatasi konflik dan persengketaan yang melanda masyarakat Malaysia hari ini. Bincangkan.

Arahan : Pilih 1 jawapan yang relevan.

TEMA	→	
KEHENDAK SOALAN	→	
FORMAT JAWAPAN	→	

Pengenalan	
------------	--

Idea utama	Huraian
1. 	- Gejala sosial seperti kadar jenayah, masalah penyalahgunaan dadah dan masalah LGBT yang semakin meningkat dalam masyarakat merupakan krisis yang perlu diatasi . - Penghayatan prinsip “Kesopanan dan kesusilaan” dapat membentuk sahsiah dan akhlak yang baik dalam masyarakat kita akan dapat mengatasi gejala ini.



LEMBARAN INTERAKTIF PEMBELAJARAN ATAS TALIAN
(SOALAN ESEI SEM 2 : KOMPILASI PERCUBAAN NEGERI TAHUN 2019)
PANITIA PENGAJIAN AM
SMK ABDUL RAHMAN TALIB, KUANTAN

2.	 • Semangat cinta akan negara yang semakin terhakis dalam masyarakat • berlakunya bantahan terhadap kerajaan dan tindakan tidak menghormati identiti dan lambang-lambang negara. • Contoh, insiden tidak berdiri tegak dan menghormati Lagu Negara Ku dalam satu majlis di Sarawak menunjukkan semangat patriosme yang semakin terhakis. • Penghayatan “Kesetiaan kepada Raja dan Negara “ akan dapat mengatasi krisis tersebut.
3.	 • Raja sebagai simbol kedaulatan negara dan perpaduan tidak bebas dari tohmahan dan serangan berkepentingan oleh pihak-pihak tertentu. • Sudah banyak bentuk penghinaan dan cubaan mengheret raja ke kancah politik dan pertelagahan. • Penghayatan “Kesetiaan kepada Raja dan Negara” dapat menyelesaikan konflik dan krisis ini .
4.	 • Kumpulan-kumpulan yang mula mempersoal kontrak sosial yang termaktub dalam peruntukan Perlembagaan Persekutuan juga menjadi krisis yang perlu ditangani. • Tindakan segelintir masyarakat yang mempersoalkan peruntukan utama dalam Perlembagaan seperti Perkara 153, peruntukan berkaitan agama dan bahasa menimbulkan konflik antara kaum di negara kita. • Masyarakat Malaysia yang menghayati “ Keluhuran Perlembagaan” akan turut menghormati kepada ketetapan Perlembagaan ini
5.	 • Rukun Negara yang dibentuk selepas Peristiwa 13 Mei 1969 bertujuan mewujudkan perpaduan antara masyarakat berbilang kaum di negara ini. • Pedoman daripada Rukun Negara yang menjadi ikatan rasmi warga Malaysia mesti ditegas semula bagi membentuk negara bangsa yang utuh dan harmoni . • Bacaan ikrar Rukun Negara yang menjadi rutin dalam perhimpunan rasmi sekolah dan jabatan-jabatan kerajaan dapat memperkukuhkan lagi perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di negara kita .

Kesimpulan	
-------------------	--



Soalan 8

E-dagang banyak memberi faedah kepada rakyat dan negara . Walau bagaimanapun pedagang dan usahawan tempatan perlu bersedia menghadapi cabaran yang kompetitif ini . Jelaskan.

Arahan : Pilih 1 jawapan yang relevan.

TEMA →

KEHENDAK
SOALAN →



FORMAT
JAWAPAN →

Pengenalan

Idea utama	Huraian
A.	
1.	- E-dagang juga dapat membantu pengeluar, peniaga dan pedagang meluaskan pasaran dalaman - Malahan pasaran luar dapat ditembusi jika dapat memenuhi kehendak permintaan pelanggan-pelanggan. - Melalui platform internet, pengeluar dan peniaga dapat mengiklankan barangan keluarannya dalam laman web, Facebook, Instagram atau media-media eletronik yang lain .
2.	- Maklumat mengenai barangan yang dibeli mudah diakses oleh pengguna dalam laman atau media elektronik yang sedia sepanjang masa. - Pengeluar pula boleh mendapatkan maklumat pemborong, peniaga dan pembeli dari segi tawaran harga, barangan yang dikehendaki dan juga logistik dalam urusan jual beli e-dagang .



LEMBARAN INTERAKTIF PEMBELAJARAN ATAS TALIAN
(SOALAN ESEI SEM 2 : KOMPILASI PERCUBAAN NEGERI TAHUN 2019)
PANITIA PENGAJIAN AM
SMK ABDUL RAHMAN TALIB, KUANTAN

B.	
3. 	• Bagi mendapatkan pasaran barangan yang lebih luas melalui e-dagang, pedagang dan usahawan tempatan perlu memastikan barangan dan perkhidmatan yang dijual adalah berkualiti dan dapat memenuhi kehendak dan cita rasa pelanggannya. • Platform e-dagang seperti Ali Baba, Lazada dan Shopee lebih mengutamakan pengiklanan barangan berkualiti daripada usahawan industri kecil dan sederhana berbanding Facebook dan Instagram yang menjual barangan kurang berkualiti.
4. 	• Pedagang dan usahawan perlu bersedia untuk menghadapi cabaran untuk menerokai peluang pasaran luar yang lebih luas dengan menyertai lebih banyak pameran perdagangan antarabangsa. • Pasaran luar yang meningkatkan juga memberi peluang kepada mereka untuk melabur dan mengeluarkan barangan mereka di luar negara. • E-dagang dapat membantu mereka menerokai pasaran luar yang lebih luas
5. 	• Kerajaan dan syarikat-syarikat telekomunikasi perlu meningkatkan pembangunan rangkaian telekomunikasi bagi memudahkan pedagang dan usahawan tempatan menghadapi cabaran dalam e-dagang. • Mereka juga perlu bersedia untuk memodenkan rangkaian telekomunikasi syarikat mereka seperti capaian internet yang mudah dan cepat untuk memudahkan mereka memasarkan barangan mereka melalui rangkaian e-dagang yang cekap.

Kesimpulan	
-------------------	--

